

# Tarikh harga baru air diundur: PM

DI 12 OCT 2002

Bagi membolehkan Malaysia menampung kerugian akibat tindakan Singapura melengahkan penetapan kadar baru

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat – Malaysia akan mengundurkan tarikh berkuat kuasa harga baru air yang dibekalkan kepada Singapura ke tarikh yang sepatutnya semakan semula kadar itu dilakukan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, langkah itu bagi membolehkan Malaysia menampung kerugian yang ditanggung akibat tindakan Singapura melengahkan proses penetapan kadar baru harga air.

“Singapura terus membeli air mentah pada harga murah iaitu tiga sen bagi setiap 1,000 gelen, tetapi pada masa sama, mereka mengaut untung dengan menjual air yang sudah dirawat untuk eksport pada harga S\$20 (RM42).”

“Oleh itu, sebaik saja harga baru ditetapkan, ia mesti dilaksanakan dengan cara mengundurkan tarikh berkuat kuasanya. Kita perlu mendapatkan kembali wang yang kita sudah kerugian itu,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Penglihatan Sedunia 2002 di Taman KLCC, di sini hari ini.

Malaysia dan Singapura menandatangani dua perjanjian air pada 1961 dan 1962. Mengikut perjanjian pada 1961, Singapura boleh mendapatkan 88 juta gelen air sehari dari kawasan tadahan air Pulau dan Sungai Tebrau serta Skudai di Johor sehingga 31 Ogos 2011.

Perjanjian 1962 pula membenarkan Singapura mendapatkan 50 juta gelen sehari dari Sungai Johor sehingga 28 September 2061. Kedua-dua perjanjian itu memperuntukkan semakan semula harga air selepas 25 tahun, yang sepatutnya masing-masing pada 1986 dan 1987.

Malaysia kini menjual air mentahnya ke Singapura pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen dan membeli balik air bersih atau yang sudah dirawat dari republik itu pada harga 50 sen setiap 1,000 gelen.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan, Malaysia tidak akan memotong bekalan air ke republik itu, sebaliknya mahu terus membekalkannya sebagaimana dalam perjanjian berkenaan.

“Tetapi perjanjian itu juga membolehkan kadar harga disemak semula. Malaysia tidak menyemak semula harga air apabila tiba

## Air: Malaysia sedia runding kadar baru

BH 12 OCT 2002

DARI MUKA 1

tempohnya ketika itu kerana memikirkan Singapura juga akan menyemak harga air bersih dibekalkan ke Malaysia.

“Walaupun mereka menyemak semula harga air yang dirawat, kita tidak kisah. Mereka boleh mengkaji semula air bersih mereka, tetapi kita juga boleh mengkaji (harga) air mentah kita, perlu ada satu formula,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia bersedia berunding dengan Singapura kadar harga baru itu dan berharap Singapura bersedia dengan alasan mereka sebagai asas bagi rundingan itu.

“Kita sudah memberi sebabnya bagi pihak kita, malangnya Singapura masih terus melengah-lengahkan perkara itu dan dalam tempoh itu kitalah yang menanggung kerugian.

“Kita tidak bergantung kepada (hasil) penjualan air untuk menguruskan perjalanan kerajaan kita, itu perkara kecil. Tetapi prinsipnya ialah apabila anda beli air, anda bayar pada jumlah yang adil. Malah air yang dijual ke Melaka oleh Johor ditetapkan pada harga 30 sen (setiap 1,000 gelen) iaitu kira-kira 1,000 peratus (lebih

daripada dibayar oleh Singapura),” katanya.

Perdana Menteri turut hairan mengenai penafian Singapura berhubung persetujuannya untuk menyemak harga air memandangkan rakan sejawatannya, Goh Chok Tong memberitahu bahawa dia bersetuju.

“Saya tak tahulah apa dia, tapi Goh Chok Tong datang kepada saya depan Datuk (Seri) Syed Hamid (Albar) bahawa dia (Goh) kata, dia bersetuju dengan semakan. Tapi sekarang dia kata tak bersetuju... itu saya tak tahulah. Itu jadi masalah nak runding,” katanya.

Goh, ketika mengunjungi Dr Mahathir di Putrajaya, Selasa lalu dilaporkan bersetuju Malaysia menyemak harga air.

Bagaimanapun, keesokannya Setiausaha Akhbar Goh mengeluarkan kenyataan menafikan beliau menyatakan persetujuan itu dengan mendakwa Malaysia tiada asas undang-undang untuk berbuat demikian.

Dr Mahathir menjelaskan, apa yang Goh tidak begitu bersetuju ialah langkah Malaysia untuk mengasingkan isu air daripada isu-isu lain.